Dalam mengharungi era penjajahan, Kuala Lumpur telah mengalami perubahan perkembangan budaya yang banyak di pengaruhi kuasa politik asing dalam kawalan pentadbirannya. Selain daripada ciri-ciri dan susunatur perbandaran yang menepati kehendak-kehendak kuasa penjajah, ruang perbandaran Kuala Lumpur dimonopoli oleh imigran asing terdiri daripada warga Eropah, Cina, India dan Arab. Ini menjelaskan bandar penjajah merupakan satu ciptaan orang asing kepada kumpulan penduduk setempat yang tidak ramai berhijrah ke bandar semasa zaman penjajahan (McGee, 1975). Dalam tahun 1947 sehingga 1957 pembentukan bandaraya Kuala Lumpur telah dibentuk dengan perbauran budaya di mana nilai-nilai lama yakni tradisional luput dan timbul nilai-nilai baru yang lebih kebaratan, maju dan moden dalam sektor pengurusan dan ekonomi amnya (McGee, 1975). Perancangan bandar dan senibina serta susunatur perbandaran tidak berteraskan kepada keperluan rakyat tempatan. Ianya lebih kepada senibina Kolonial dan diadaptasikan dengan butiran-butiran yang disesuaikan dengan cuaca tempatan. Walau bagaimanapun dalam tahun 1974 ketika Kuala Lumpur mengalami kepesatan penduduk yang mendadak dan pelebaran kawasan sempadan, sistem ekonomi moden mengalami sedikit perubahan dalam mengambilkira kecenderungan peluang-peluang pekerjaan yang boleh diwujudkan melalui sistem tradisional iaitu melalui upah atau berniaga kecil-kecilan (McGee, 1975). Sektor informal ini disokong oleh polisi kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) yang bertujuan mengurangkan kemiskinan penduduk melalui peningkatan pendapatan serta penstrukturan semula masyarakat Malaysia bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan tahap kehidupan komuniti etnik (Mcgee dan Yeung, 1977). Hari ini, sektor ini masih bertahan sebagai saluran pendapatan bagi golongan pendapatan rendah di ibukota Kuala Lumpur. Perniagaan

jenis gerai makan adalah antara sumber pendapatan yang terus menjadi pilihan golongan berkenaan.

Menurut kajian Rokiah dan Fauzi (1987), kegiatan penjaja makanan biasanya di kawasan-kawasan yang dinamakan oleh Mcgee dan Yeang (1977) sebagai *'nodes of pedestrian and population density'* iaitu seperti di pasar-pasar dan kawasan sekitarnya dan di tepi-tepi jalan yang sering digunakan oleh orang awam. Kegiatan ini juga banyak tertumpu di terminal-terminal bas dan teksi, kawasan berhampiran pejabat-pejabat kerajaan dan swasta dan sekitar kawasan hiburan seperti panggung wayang dan kompleks membeli belah. Kedudukannya yang strategik dan 'terus' kepada pelanggan ini memudahkan orang ramai mendapatkan barangan atau makanan dengan kadar segera. Mcgee (1975) menafsirkan penjaja-penjaja yang berkelompok ini memeriahkan suasana persekitaran bandar sepertimana bandar-bandar industri di Barat dan di Jepun pada masa lampau. Beliau berpandangan penjaja makanan dan penjaja pasar malam antara golongan yang sangat bergantung kepada lokasi perniagaan untuk menepati keperluan pelanggan mereka yang biasanya telah di kenali. Sesetengah bandaraya yang berteraskan dasar kerajaan kolonial menganggap aktiviti ini agak mundur dan tradisional serta tidak sesuai diberi ruang dalam bandaraya yang serba moden dan canggih. Pendapat ini sukar disangkal memandangkan keadaan para penjaja yang berkelompok di kawasan-kawasan tumpuan awam mewujudkan kesesakan lalu lintas, keadaan gerai yang kotor dan tidak kemas. Struktur gerai yang tidak sempurna dan serba asas ini memberi imej yang buruk dan tidak sesuai dengan persekitaran bandar (Mcgee, 1975; Khoo, 2001; Margaret dan McVee, 1997).

Di Kuala Lumpur, kesan daripada pemesatan pembangunan telah mendorong kepada penyusunan semula penempatan penjaja. Menurut kajian Mcgee (1975), aspek penempatan semula adalah strategi memindahkan penempatan penjaja dari tempat asal operasi mereka atas sebab-sebab program pembangunan, pelebaran jalan atau projek mengindahkan bandar. Gerai-gerai tepi jalan biasanya beroperasi secara berkelompok di tempat tumpuan awam dan kawasan pejalan kaki yang sibuk seperti persekitaran pasar, terminal atau stesen

pengangkutan awam, pusat hiburan dan mana jua kawasan yang memberi alasan memihak kepada faktor ekonomi. Walau bagaimanapun, perkelompokan inilah yang mendatangkan konflik kepada pengurusan perbandaran masa kini. Justeru, pihak berkuasa tempatan mengambil langkah memindahkan gerai-gerai makan tepi jalan ke medan selera dan pusat penjaja yang serba lengkap dengan kemudahan awam bagi menarik ramai pengunjung. Tetapi usaha ini bukan merupakan satu penyelesaian yang menyeluruh. Khoo (2001) menjelaskan dalam kajiannya mendapati program pemindahan penjaja-penjaja tepi jalan di Pulau Pinang ke dalam kompleks gerai, telah mengakibatkan peniaga-peniaga menghadapi masaalah-masaalah seperti kekurangan pelanggan, keluasan gerai yang terlalu sempit, kekurangan tempat letak kereta dan pengurusan penyelenggaraan yang lemah oleh pihak berkuasa.

Mcgee (1975) menyatakan usaha pihak pengurusan bandaraya Kuala Lumpur memindahkan penjaja-penjaja makanan ke medan selera ke bangunan bertingkat di dapati kurang berjaya. Ini disebabkan di bangunan berkenaan, lantai aras tanah dan tingkat satu dijadikan terminal pengangkutan dan tempat letak kereta, manakala penjaja makanan diletakkan di tingkat dua. Terbukti aktiviti penjajaan di sini tidak mendapat sambutan orang awam kerana mereka keberatan untuk menaiki tangga ke tingkat atas.

Penempatan gerai-gerai makan di Bandaraya Kuala Lumpur kebanyakannya terletak di lorong-lorong antara bangunan dan lorong-lorong servis di belakang bangunan. Ia menjadi kemudahan kepada pejalan kaki dan wargakerja di pusat bandar untuk mendapatkan makanan. Pada tahun 2008 di laporkan sekurang-kurangnya terdapat seramai 13,084 penjaja makanan gerai statik beroperasi di dalam enam zon-zon parlimen di Kuala Lumpur (JPPPK-DBKL, 2008). Mengikut statistik 2010, seramai 1,244 daripada jumlah itu terdiri daripada penjaja berlesen yang sedang beroperasi di pusat bandar Kuala Lumpur (Sila rujuk lampiran A; Statistik Penjaja Berlesen Dan Tidak Berlesen Penjaja Statik - kawasan pusat bandar termasuk dalam kawasan parlimen Bukit Bintang). Penjaja-penjaja ini perlu mendapatkan Lesen Penjaja Statik dengan kadar bayaran RM8 hingga RM63 sebulan atau RM96 hingga

RM756 setahun. Kadar-kadar ini bergantung kepada saiz ruang gerai yang di sediakan iaitu dari 18 kaki persegi hingga 300 kaki persegi. Di samping itu akta-akta yang di kuatkuasakan ke atas kegiatan mereka adalah Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja Dan Gerai (WPKL) 1989 dan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (WP) 1979 - Pindaan 1991 (JPPPK, DBKL, 2008). Sila rujuk lampiran A; Akta-akta dan undang-undang kecil yang di kuatkuasakan ke atas perniagaan gerai makan DBKL.

## 1.3 Isu

Kegiatan gerai makan tepi jalan di bandaraya Kuala Lumpur mahu pun di bandaraya-bandaraya di Asia seperti Thailand, Indonesia, India dan Fillipina adalah merupakan faktor penting dalam menjana ekonomi golongan berpendapatan rendah serta memberi kemudahan kepada golongan sederhana mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan dan segera.

Antara cabaran yang di hadapi oleh pihak berkuasa tempatan khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam mengindahkan bandaraya adalah terpaksa berhadapan dengan masaalah gerai makan tepi jalan yang sering mendatangkan kesesakan lalulintas, pencemaran bau dan pandangan dengan keadaan gerai-gerai yang sesak di lorong-lorong sempit. DBKL telah berusaha memindahkan penjaja-penjaja tepi jalan ini ke pusat-pusat penjaja, namun penyelesaian ini tidak selalunya mendapat sambutan dari para penjaja. Mereka enggan berpindah kerana telah selesa dengan sambutan orang awam di tempat asal.

Isu-isu berkaitan masalah penjaja telah di bincangkan dalam Pelan Struktur DBKL 2004 dan Pelan Kawalan Pembangunan Kuala Lumpur (PKPKL), DBKL 2008. Dalam PKPKL 2008, aktiviti makan dan minum telah di kategorikan sebagai B2 yang membolehkan aktiviti ini beroperasi di aras jalanraya sejajar dengan laluan pejalan kaki. Walaubagaimanapun, kenyataan berkenaan tidak menggariskan kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi dalam mewujudkan RMTJ yang berkualiti kepada pengunjung mahupun responsif kepada persekitarannya.

Pada hari ini, aspek imej fizikal tempat makan ini tidak membentuk keserasian dengan karektor fizikal di sekelilingnya yang terdiri daripada kawasan *'shopping district'*, kawasan komersial atau kawasan pembangunan bercampur. Keadaan ini perlu di beri perhatian kerana gabungan aktiviti manusia dan kriteria fizikal persekitaran mampu membentuk karektor dan menghidupkan sesuatu tempat atau bandar (Bentley et. al, 1985). Terdapat tiga isu utama yang sering di kaitkan dengan masaalah gerai makan, antaranya isu fizikal, kesihatan dan keselamatan seperti berikut :-

### 1.3.1 Isu Fizikal

Faktor fizikal gerai makan tepi jalan di pusat bandar Kuala Lumpur masih belum mampu menempa identiti untuk memenuhi visi Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia menjelang 2020 (Draf PTKL 2020 DBKL 2008). .

### 1.3.2 Isu Kesihatan

DBKL telah mewajibkan setiap penjaja makanan menjalani pemeriksaan doktor sebagai syarat untuk mendapatkan lesen (JPPPK, DBKL). Ini berikutan terdapat kes-kes keracunan makanan yang berpunca dari gerai makan. Sehubungan dengan itu, ianya sebagai langkah untuk memastikan penyediaan makanan sentiasa bersih dan terhindar dari sebarang penyakit. Pencemaran bau dari longkang-longkang di sekitar penempatan gerai makan menimbulkan keadaan kurang selesa di kalangan pengunjung. Faktor kebersihan ini adalah perkara utama dalam berbicara megenai penyediaan makanan dan persiapan tempat untuk menjamu selera. Ia menyentuh sensitiviti persepsi dan kepuasan pengunjung dari aspek psikologi terhadap kualiti tempat makan berkenaan

### 1.3.3 Isu Keselamatan

Isu yang pernah di kaitkan dengan penempatan gerai makan tepi jalan adalah faktor keselamatan pelanggan. Segelintir para penjaja gerai makan dan pemilik restoran sengaja menyediakan tempat makan di atas sebahagian kawasan jalanraya sehingga kadang kala

melibatkan kemalangan. Walau pun kemalangan di tempat makan gerai tepi jalan tidak kerap berlaku, apa yang lebih penting adalah langkah-langkah penguatkuasaan dan peraturan perlu di perketatkan agar keadaan ini dapat di kawal. Ini adalah kerana perasaan bimbang terhadap keselamatan diri ketika menjamu selera berkemungkinan menjejaskan keceriaan dan kepuasan pengunjung untuk menjalani aktiviti mereka di ruang berkenaan. Kebanyakan keadaan luaran gerai makan tepi jalan pada hari ini tidak mempunyai elemen-elemen indikator sempadan ruang makan yang dapat dilihat jelas dari jauh. Keadaan yang sesak dengan dapur-dapur memasak mungkin juga akan menimbulkan kebimbangan. Isu-isu berkaitan gerai makan tepi jalan antaranya adalah seperti di lampiran C.

## 1.4 Permasaalahan Kajian

Kajian-kajian dalam memahami 'bahasa' sesebuah tempat mengikut persepsi penggunanya samaada bagi ruang dalaman atau pun di ruang luaran adalah sangat terhad. Justeru atas keterbatasan ini secara khususnya ia kurang memberi ruang kepada kajian-kajian yang lebih spesifik kepada tempat makan tepi jalan. Antara penyelidik-penyelidik yang mengkaji persepsi pengguna terhadap sesebuah tempat makan yang sering di kunjungi adalah Waxman (2004). Kajian Waxman (2004) mengenai kegunaan ruang dan pengaruh sosial dalam memahami erti tempat makan di *'coffee shop'* mendapati kekerapan kunjungan pelanggan adalah lebih kepada faktor sosial iaitu berjumpa rakan, berkongsi cerita dan meluangkan masa bersama. Tempat makan berkenaan merupakan tempat bersantai dan beristirehat dari kesibukan tugas seharian. Kajian berfokus kepada karektor fizikal ruang dalaman dan interaksi sosial ini menggariskan lima elemen yang menjadikan sesebuah restoran di minati iaitu kebersihan, aroma, pencahayaan, keselesaan perabot, pemandangan dan susunatur dalaman. Walaubagaimanapun, kajian Waxman ini lebih kepada memahami makna tempat dari perspektif rekabentuk dalaman, kajian ini tidak mengkaji konteks persekitaran lokasi sesebuah tempat makan. Dalam kajian ini, Waxman mendapati penemuan pengaruh faktor sosial di sesebuah tempat makan membuktikan *'coffee shop'*

merupakan 'Tempat Ketiga' *(Third Places)* bagi komuniti di kawasan kajiannya, iaitu tempat untuk mereka berinteraksi dan beriadah selain dari kediaman dan tempat kerja.

Menurut Wahid (2006) membina tempat (place making) di katakan satu pendekatan untuk masyarakat membina dan mengatur ruang yang mereka duduki supaya ianya berfungsi mengikut cara dan budaya masing-masing. Hanya melalui pembentukan persekitaran tempat ini dapat terbentuk. Beliau menjelaskan ruang-ruang terbiar di sekitar bandar Pulau Pinang sering diambil alih oleh penjaja gerai makan tepi jalan yang akhirnya mewujudkan tempat untuk warga kota bertemu rakan dan menjamu selera. Konsep membina tempat juga di teroka kepada aktiviti pasar malam. Kajian berkenaan walaubagaimanapun meneroka pengertian tempat yang terbina secara semulajadi dengan gambaran umum tanpa memberi fokus kepada konteks pusat bandar. Deguchi (2005) antara penyelidik yang mengkaji penempatan sementara aktiviti penjaja dalam bandar. Beliau menyifatkan aktiviti-aktiviti penjaja jalanan di bandar-bandar di Asia memberi gambaran yang menarik dan tersendiri. Beliau mengkategorikan aktiviti penjaja jalanan kepada tiga jenis karektor iaitu i) aktiviti manusia ii) butiran fizikal, dan iii) kitaran penggunaan ruang. Dalam kajian ini Deguchi menjelaskan aktiviti-aktiviti RMTJ yang bergantung kepada persekitaran di sekeliling atau elemen bersebelahan dapat memberikan suasana yang unik bagi persekitaran perbandaran tempatan. Senario ini menyokong kenyataan Trancik (1986) yang menyatakan jenis ruang boleh di definasikan dengan kategori atau 'typology' berasaskan ciri-ciri fizikal bagi setiap tempat dan kelihatan unik apabila tempat tersebut saling melengkapi persekitarannya. Biasanya lokasi 'Yatai' terletak bersebelahan dengan bangunan komersil dan taman-taman bandar. Garispanduan operasi 'Yatai' ini meletakkan prinsip-prinsip keselamatan, keselesaan, dan kebersihan di ruang pejalan kaki sebagai matlamat utama untuk terus menghidupkan aktiviti ini dalam kehidupan masyarakatnya.

Konsep membina tempat 'Yatai' merupakan aktiviti sementara yang hanya beroperasi pada waktu malam sahaja dan berkongsi ruang niaga bersama penjaja *'lunch box'* pada waktu siang. Kajian RMTJ ini mengambil kira aspek guna tanah di sekeliling, namun statusnya

yang sementara menampilkan perbezaan ketara berbanding penempatan kekal RMTJ dari segi bentuk fizikal, imej dan karektor yang terbina. Kajian-kajian oleh Wahid (2006) dan Deguchi (2005) walaubagaimanapun berfokus kepada tempat-tempat sementara dalam membina tempat di mana, sebaliknya Tuan (1977) berpandangan ketetapan *(permanency)* merupakan satu kepentingan dalam memahami kriteria bila memperkatakan soal tempat. Beliau mengkiaskan, objek fizikal dan keadaannya adalah saling berkekalan begitu juga pengertian tempat di mana ia memerlukan asas yang tetap atau kekal untuk menghidupkan 'makna' kewujudannya.

Curtis dan Tiwari (2008) meneroka konsep membina tempat melalui kajiannya berhubung pembangunan dan pengurusan masa depan rangkaian jalan-jalan utama sediada melalui konsep *"The Activity Corridor"*. Kajian ini mengkaji transformasi jalan-jalan induk dengan mengadaptasikan kaedah laluan trafik perlahan *(traffic calming)* bersama aktiviti-aktiviti koridor yang terbina di sekelilingnya melalui kualiti-kualiti membina tempat. Koridor berkenaan di ilhamkan agar mudah di kunjungi dengan pelbagai cara. Dalam kajian ini aktiviti makan tepi jalan di perakui sebagai elemen yang mampu memberi daya penarik dan memeriahkan kawasan berkenaan. Walaubagaimanapun, kajian berkenaan tidak memperincikan perihal tersebut.

Rokiah dan Fauzi (1987) adalah antara penyelidik tempatan yang pernah mengkaji tentang aspek ekonomi dan sosial sektor penjajaan makanan di pusat bandar Kuala Lumpur. Dalam kajian tersebut mereka mendapati antara peranan sosial yang dimainkan oleh penjaja makanan adalah meringankan beban pasangan wargakota yang berkerja dalam menyediakan makanan siap masak untuk dibawa pulang. Kajian ini lebih fokus kepada peranan-peranan positif aktiviti penjajaan makanan terhadap wargakota, wargakerja dan pelancong-pelancong tempatan yang sentiasa memberi sambutan terhadap aktiviti ini. Kajian ini juga mengesyorkan agar kesesakan penjaja-penjaja makanan tepi jalan dapat diatasi dengan pembinaan pusat-pusat penjaja bagi menempatkan penjaja-penjaja berkenaan di bawah satu

bumbung. Namun pada hari ini ternyata pendekatan ini masih belum dapat menyelesaikan masalah penjaja gerai makan tepi jalan di Kuala Lumpur (Pelan Struktur DBKL, 2004).

Kebanyakan kajian-kajian yang telah dibuat berhubungkait dengan tempat makan menyentuh mengenai fungsi ruang dan faktor-faktor mempengaruhi pengguna dari aspek aktiviti-aktiviti di tempat makan serta sesetengahnya menyentuh aspek teknikal. Kajian-kajian berkenaan tidak mengambilkira aspek kualiti-kualiti di tempat berkenaan terhadap keselesaan pengunjung dan tidak mendalami kontek sesebuah tempat makan kekal yang terbuka kepada aspek-aspek luaran dalam suasana persekitaran pusat bandar. Kajian ini berpaksi untuk mengenengahkan budaya gerai makan tepi jalan sebagai sebahagian dari identiti budaya kota di Kuala Lumpur dalam perspektif corak kehidupan wargakota masa kini dan masa hadapan. Indikator-indikator yang perlu dikenalpasti untuk memantapkan kualiti RMTJ di akhir kajian ini, diharapkan dapat menghasilkan pendekatan yang lebih terarah dalam menentukan status kewujudan RMTJ dalam persekitaran pusat bandar di masa hadapan. Kajian ini akan menekankan dari aspek kualiti tempat makan berkenaan kepada pelanggan dan menilai samaada kedudukan fizikal, fungsi dan aktivitinya saling responsif terhadap pembangunan persekitaran dalam memahami kesesuaian perletakan RMTJ ini di masa hadapan.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mengambil pendekatan meninjau persepsi wargakota terhadap RMTJ yang berkualiti dalam suasana pusat bandar dan mengenalpasti faktor-faktor kesesuaian perletakan dan karektor sesebuah RMTJ ini dengan konteks pembangunan di sekeliling. Ianya bertujuan untuk mencari indikator-indikator dalam mewujudkan RMTJ berkualiti yang memberikan kepuasan kepada pengunjung dan dapat membentuk persekitaran yang responsif di samping mengindahkan bandaraya.

Untuk memenuhi tujuan kajian tersebut, beberapa objektif telah digariskan seperti berikut:

Objektif kajian 1:

Untuk mengenalpasti aspek fizikal dan kepuasan pengunjung yang diperlukan dalam membina penempatan RMTJ yang berkualiti di pusat bandar Kuala Lumpur.

Dalam menepati objektif kajian 1 pencarian kajian akan tertumpu kepada ciri-ciri yang diperlukan bagi membentuk RMTJ yang berkualiti dan suasana tempat yang memberi kepuasan pengunjung.

Objektif Kajian 2

ii) Untuk mengenalpasti kriteria-kriteria yang menjadikan sesebuah kedudukan RMTJ saling responsif terhadap aspek fungsi, aktiviti dan visual dalam karektor fizikal persekitarannya.

Dalam menepati objektif kajian 2 pencarian kajian akan tertumpu kepada kriteria-kriteria RMTJ yang responsif dengan persekitarannya. Ia akan dinilai dari aspek fungsi, aktiviti dan visual dari kedua-dua sumber ini.

1.6 Persoalan kajian

Untuk menepati objektif-objektif di atas, terdapat dua persoalan kajian yang di majukan seperti berikut:-

i) Apakah pendekatan dan aspek fizikal yang perlu digunapakai dalam membina penempatan RMTJ berkualiti yang memberi kepuasan kepada pengunjung-pengunjung di pusat bandar Kuala Lumpur ?

ii) Apakah kriteria-kriteria yang perlu diambilkira untuk menentukan kedudukan RMTJ saling responsif terhadap aspek fungsi, aktiviti dan visual dalam karektor fizikal persekitarannya?

## 1.7 Justifikasi Kajian

Kewujudan RMTJ terbina hasil dari implikasi masyarakat terhadap sejarah, ekonomi, pembentukan fizikal, organisasi sosial, dan guna tanah dalam sesebuah bandar. Apa yang membimbangkan adalah apabila suasana persekitaran bandaraya tercemar di sebabkan persepsi dan cara manusia menggunakan tempat ini setiap hari (Lynch, 1991). Menurut Lynch (1991), kegagalan mewujudkan suasana persekitaran yang sihat akan mengakibatkan sesebuah bandar itu 'sakit' dengan memberikan persekitaran yang tidak berkualiti kepada penggunanya. Justifikasi kajian ini memberi penekanan untuk menilai semula 'aset' iaitu aktiviti tempat makan tepi jalan untuk mengelak dari menyumbang kepada bandaraya yang 'sakit'.

Pemilihan kajian RMTJ ini dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor di bawah yang menjadikan kajian RMTJ di ibukota Kuala Lumpur wajar diterokai. Faktor-faktor berkenaan adalah seperti berikut:-

i) RMTJ merupakan sebuah elemen fabrik kota yang sangat terserlah dan telah menjadi sebahagian daripada budaya dan karektor perbandaran di Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur. Di sini imej fizikal RMTJ boleh dikatakan masih mengalami 'kekakuan' untuk terbuka kepada perubahan. Walaupun aktiviti ini telah bertapak berpuluhan tahun ianya masih membawa mesej kesementaraan dengan binaan struktur serba ringkas dan prasarana yang sangat minimum serta memberi imej yang tidak menarik dalam *'cityscape'* Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, aktiviti ini sangat berperanan menyalurkan makanan masak kepada wargakota dengan harga yang berpatutan serta mendapat sambutan yang tinggi di kalangan warga kerja terutama pada waktu sarapan pagi dan makan tengahari. Penilaian kualiti menurut persepsi pengunjung-pengunjung di tempat makan ini perlu diambil kira memandangkan ia telah merupakan fabrik kota yang perlu di sediakan.

ii) Penerokaan yang terhad dalam kajian mengenai RMTJ telah menimbulkan persoalan dalam mengetahui tahap penerimaan wargakota terhadap aktiviti dan karektor tempat makan

ini dalam suasana perbandaran, khususnya di Kuala Lumpur. Sambutan yang tinggi terhadap RMTJ di sekitar ibukota pada waktu-waktu tertentu menimbulkan persoalan kepada penyelidik untuk meninjau tahap penerimaan mereka terhadap kualiti tempat makan tepi jalan berkenaan.

iii) Aktiviti RMTJ berpotensi sebagai sebuah tempat makan yang mampu mewujudkan hubungan sosial di kalangan komuniti setempat dengan pelbagai bentuk interaksi dan transaksi di samping makan dan minum dalam era globalisasi pada hari ini. Aktiviti-aktiviti seperti perbincangan perniagaan, temujanji klien, transaksi melalui internet dan berbagai aktiviti lain telah menjadi lumrah di tempat-tempat makan di bandaraya di seluruh dunia. Apa yang di khuatiri aktiviti RMTJ di Kuala Lumpur masih belum di ketengahkan sebagai aset yang dapat membentuk persekitaran yang positif dan berkualiti bagi menepati keadaan semasa dan akan datang.

iv) Aktiviti makan di tepi jalan memperlihatkan potensi sebagai aktiviti yang memeriahkan kota di samping ia memberikan tarikan kepada wargakotanya dan para pelancong di samping mengindahkan bandaraya (Hazel and Parry, 2004; Whyte, 1980; Deguchi, 2005; Curtis and Tiwari, 2008; Tibbald, 1992). Aktiviti tempat makan tepi jalan di negara Barat mempunyai konsepnya tersendiri dalam acuan budaya mereka, manakala konsep aktiviti RMTJ di Malaysia khususnya di bandaraya Kuala Lumpur mempunyai identitinya yang unik mengikut budaya tiga kaum utama di sini iaitu Melayu, Cina dan India. Apa yang perlu di kaji adalah dari sudut 'bahasa' sesebuah tempat makan berkenaan kepada penggunanya mengikut acuan budaya masing-masing.

Aktiviti penempatan gerai makan di pusat bandar adalah merupakan sebahagian corak kehidupan di Malaysia. Ianya perlu diberi nafas baru dan dikekalkan sebagai identiti fabrik kota bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai keunikannya tersendiri. Aktiviti ini perlu di definasikan sebagai elemen yang memperkayakan karektor dalam bandar serta mampu

memberi tarikan kepada wargakota mahupun pelancong dengan persepsi yang lebih positif dalam menghargai persekitaran ibukota.

## 1.8 Signifikasi Kajian

Kajian mengenai tempat-tempat makan tepian jalan dalam dunia penyelidikan rekabentuk bandar masih mempunyai ruang yang luas untuk diterokai. Karektor RMTJ yang berkualiti dari aspek-aspek memberi kepuasan kepada pengunjung, mengindahkan serta memeriahkan bandaraya sering memberikan imej-imej yang menarik terutama di bandaraya-bandaraya terkemuka di dunia. Sehubungan dengan kebaikan-kebaikan ini, dipercayai kewujudan RMTJ yang dirancang dengan rapi menyumbang kepada persekitaran perbandaran yang lebih sihat dan mesra terhadap budaya kehidupan di bandaraya. Namun sebaliknya, jika kewujudan aktiviti ini tidak membawa apa-apa misi dalam pembentukannya di sesebuah bandaraya selain menyediakan kemudahan makan dan minum, potensi-potensi di atas akan menjadi kabur dan menyumbang kepada imej fizikal yang tidak menyokong kepada kehendak pengunjung dan persekitaran bandar.

Kajian ini melihat penerokaan terhadap pencarian indikator-indikator dalam mewujudkan RMTJ yang berkualiti, responsif terhadap pembangunan persekitaran dan mengindahkan bandar dalam kontek tempatan mampu menyumbang kepada beberapa pihak atau keadaan berikut :-

i) Para Pengunjung

Pengunjung-pengunjung akan dapat menikmati suasana tempat makan tepi jalan yang lebih selesa dan berkualiti. Ini akan meningkatkan kempen "Sayangi Kuala Lumpur" yang diuar-uarkan oleh DBKL dengan memberi keperhatinan terhadap keselesaan wargakota.

ii) Sektor Pelancongan

RMTJ yang berkualiti dapat meningkatkan kunjungan pelancong-pelancong di dalam dan luar negara untuk menikmati makanan tempatan dalam suasana yang lebih menarik dan

yakin dengan kebersihan yang dipaparkan. Senario ini juga secara tidak langsung menyokong kepada industri pelancongan tempatan.

iii) Persekitaran Bandar

Imej fizikal RMTJ yang berkualiti mampu menyumbang kepada elemen perbandaran yang menarik dan harmoni. Ia juga mampu menaikkan reputasi bandaraya Kuala Lumpur dalam menangani isu penempatan gerai makan tepi jalan khususnya di kalangan negara-negara Asia dan Asia Tenggara.

iv) Pihak Berkuasa Tempatan

Pihak DBKL tidak berhadapan dengan masaalah menyediakan tapak bagi pembinaan pusat-pusat penjaja di kawasan pusat bandar yang telah sediada terhad. Di samping itu, Pihak DBKL berpotensi menjadi sumber rujukan kepada majlis-majlis perbandaran di seluruh negeri untuk berkongsi ilmu dalam mewujudkan RMTJ berkualiti.

## 1.9 Skop Kajian

Kajian ini mengadaptasikan nilai kualiti-kualiti membina tempat *(place making)* untuk menyelami kualiti RMTJ melalui persepsi pengunjung terhadap karektor fizikal tempat makan berkenaan. Ia juga akan meninjau ciri-ciri hubungan RMTJ berkenaan samaada saling responsif dengan pembangunan fizikal dan karektor persekitaran.

Terdapat dua kawasan tapak kajian yang dipilih iaitu :-

i) Gerai-gerai makan di Jalan Masjid India.

ii) Gerai makan D'Bistro Medan Mara Jalan Raja Laut.

Pemilihan dua lokasi kes kajian ini untuk memahami kualiti yang ada bagi setiap RMTJ kajian dengan karektor dan persekitaran yang berbeza di lokasi masing-masing. Kajian ini hanya tertumpu kepada penempatan gerai makan tetap yang menyediakan kerusi dan meja makan dan terletak bersebelahan jalan utama dalam zon pusat bandar. Pemilihan ini

menjurus kepada gerai berstruktur tetap sahaja kerana ia memaparkan rutin aktiviti seharian secara konsisten. Ciri ini mempunyai peranan yang dimainkan di kawasan persekitarannya untuk membentuk bahasa dan karektor. Sebaliknya, gerai sementara tidak beroperasi secara konsisten di sesebuah lokasi dan kurang memberi impak yang ketara terhadap persekitaran yang telah sedia terbina di kawasan berkenaan. Justeru, gerai berstruktur tetap dipilih untuk mengelak daripada pertikaian dan gerai sementara tidak boleh dijadikan sandaran.

Penempatan gerai kes kajian hendaklah di bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan iaitu DBKL atau di bawah pengurusan agensi kerajaan atau badan berkanun, serta memperolehi lesen dari pihak DBKL. Kajian ini hanya merangkumi zon pusat bandar iaitu satu daripada enam zon kawasan parlimen dalam lingkungan sempadan Kuala Lumpur.

Disebabkan faktor masa dan kewangan, penyelidikan ini hanya tertumpu kepada RMTJ kajian yang menyediakan makanan kaum Melayu dan terletak di kawasan yang sering dikunjungi oleh kaum Melayu. Dengan tumpuan kepada satu kawasan dan satu golongan etnik, ia membantu mendalami perlakuan dalam persekitaran golongan ini dari aspek budaya dan kecenderungan mereka. Ianya juga membantu penyelidik memahami dengan lebih terperinci memandangkan beliau dari kelompok yang sama.

## 1.10 Organisasi Kajian

Bahagian ini memberi ringkasan terhadap gambaran keseluruhan mengenai kajian yang telah disusun mengikut turutan bab-bab.

Bab 1 dalam kajian ini menerangkan secara ringkas mengenai erti RMTJ dalam konteks tempatan, tujuan serta objektif kajian, justifikasi, skop dan limitasi kajian secara keseluruhan.

Bab 2 merupakan sorotan literatur mengenai penyelidikan yang bersangkut paut dengan subjek kajian serta penyelidikan dari penyelidik-penyelidik terdahulu yang meneroka kajian membina tempat *(place-making)* dari pelbagai pendekatan. Ia merangkumi pemahaman

mengenai konsep membina tempat *(place-making)*, definisi ‘tempat’ dan ‘ruang’ serta pengertiannya berhubung dengan perlakuan manusia. Peranan aktiviti-aktiviti tepi jalan dalam konteks perbandaran, termasuk potensi RMTJ diperjelaskan. Pandangan penyelidik-penyelidik lain mengenai pengertian setiap kualiti dalam konsep membina tempat secara umum diambilkira untuk mendalami ciri-ciri kualiti berkenaan. Bab ini juga akan menerangkan pendekatan teori persekitaran responsif menurut pandangan kumpulan professional rekabentuk bandar untuk tujuan pemahaman dalam mengenalpasti kualiti-kualiti persekitaran responsif yang hadir dalam persekitaran kawasan tapak kajian. Ia juga merangkumi literatur berkaitan metodologi yang pernah digunapakai oleh penyelidik-penyelidik terdahulu yang meneroka kajian dalam memahami tempat.

Bab 3 memperjelaskan justifikasi pendekatan metodologi kajian bercampur *(mixed method)* yang dipilih dan menerangkan peringkat-peringkat metodologi kajian dan prosidur pengumpulan data. Disamping itu, teori *‘Sense of Place’* dari penyelidik terdahulu yang di jadikan sandaran sebagai asas rangkakerja teori, menerangkan proses kajian bagi mencapai objektif kajian. Rekabentuk kajian di sediakan untuk memberi gambaran keseluruhan metodologi kajian ini. Proses setiap peringkat metodologi dan pendekatan analisa data yang dipilih akan di terangkan secara terperinci.

Bab 4 menerangkan secara terperinci penempatan RMTJ kawasan-kawasan kajian kes. Ia merangkumi penerangan penempatan awal dan ciri-ciri pengurusan yang dilaksanakan di setiap kawasan. Dalam bab ini, pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini iaitu karektor fizikal di tapak-tapak kes kajian akan diberi penekanan. Ciri-ciri berkenaan adalah rekabentuk dalaman dan luaran bangunan, kelengkapan, dan kedudukan fizikal penempatan kes kajian. Penemuan-penemuan kajian akan dirakam menerusi teknik fotografi dan nota-nota lapangan. Penerangan mengenai pengaruh RMTJ terhadap fungsi ruang, aktiviti dan pembangunan sekeliling bagi setiap kawasan kajian akan di kaji melalui pemerhatian tapak dengan bantuan pelan susunatur di kawasan-kawasan kes kajian. Penemuan-penemuan dari

tinjauan ini turut memudahkan dalam menganalisa kualiti-kualiti persekitaran responsif di kawasan-kawasan berkenaan.

Bab 5 membentangkan hasil penemuan data-data soal-selidik, temu bual semi-struktur dan pemerhatian peserta penuh di tapak kajian RMTJ melalui Kaedah Bercampur *(Mixed Method)*. Keputusan dan maklumat-maklumat dari ketiga-tiga teknik pengumpulan data ini digabungkan melalui kaedah triangulasi bagi item-item di bawah kualiti membina tempat yang dibincangkan. Hasil penemuan merupakan penilaian persepsi orang awam dan gabungan interpretasi pemerhatian penyelidik sebagai peserta penuh di tapak kajian.

Bab 6 memberi gambaran analisis keseluruhan penemuan bagi kualiti-kualiti membina tempat dan kualiti-kualiti persekitaran responsif. Analisis data-data ini akan di bentangkan secara berasingan. Analisa penemuan data soal-selidik kualiti membina tempat akan di perkukuhkan dengan statistik melalui Ujian Khi-Kuasa Dua Ketidaksandaran dan Jadual Taburan Silang *(Cross Tabulation)* bagi menyokong objektif kajian pertama. Manakala analisis kualiti persekitaran responsif di atas hasil penemuan kualiti-kualiti berkenaan akan dirumus secara deskriptif untuk menyokong objektif kajian kedua.

Bab 7 akan membentangkan kesimpulan hasil dari keputusan kedua-dua analisis penemuan untuk menjawab persoalan kajian bagi mengesahkan data kualiti-kualiti membina tempat dan kualiti-kualiti persekitaran responsif yang terbina di RMTJ kajian. Bab ini akan di akhiri dengan cadangan-cadangan, sumbangan hasil indikator kajiaan dan pengesyoran untuk penyelidikan akan datang berhubung kait dengan RMTJ untuk tujuan penyelidikan di masa hadapan.

## 1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini memberi penerangan tentang cetusan kajian bermula dari latarbelakang, isu dan permasaalahan kajian. Susulan dari penerangan aspek-aspek berkenaan, ia memperjelaskan tujuan dan objektif yang ingin di capai serta membentangkan beberapa persoalan kajian sebagai titik permulaan. Kepentingan perlaksanaan kajian ini di

perjelaskan dalam bahagian Justifikasi dan skop kajian serta signifikasi kajian. Secara ringkasnya bab ini memberi gambaran haluan penerokaan kajian ini. Bab seterusnya akan membentangkan secara terperinci mengenai dan istilah 'tempat' dan 'ruang' dalam konteks perbandaran, hubungan RMTJ dengan persekitaran serta pendekatan kepada metodologi merujuk kepada teknik-teknik dan teori penyelidik-penyelidik terdahulu untuk melaksanakan kajian.